

Sekatan ke atas dua bulan bonus dimansuh

UM 2 0 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya sekatan ke atas dua bulan bonus dimansuhkan.

“Pada masa ini, bayaran bonus yang dibenarkan sebagai potongan cukai kepada syarikat dihadkan kepada dua bulan gaji,” kata beliau yang juga Menteri Kewangan.

Semasa membentangkan Belanjaan 2002 di Dewan Rakyat hari ini beliau berharap, langkah itu akan memberi peluang kepada majikan

menyediakan ganjaran yang seimbang dengan produktiviti pekerja.

Bayaran bonus merupakan insentif untuk mendorong pekerja meningkatkan produktiviti mereka, kata Perdana Menteri.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, keperluan meningkatkan daya saing memerlukan majikan di semua sektor ekonomi melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja mereka.

Sehubungan itu, kerajaan telah menubuhkan tabung Pembangunan

Sumber Manusia serta menyediakan galakan cukai bagi tujuan latihan dalam bidang teknikal dan vokasional.

“Di samping itu, skim latihan amali juga perlu digalakkan sebagai salah satu saluran untuk meningkatkan penawaran tenaga manusia mahir dan terlatih,” kata beliau.

“Saya mencadangkan supaya perbelanjaan yang ditanggung oleh mana-mana pihak dalam menyediakan latihan amali kepada kakitangannya diberi potongan bagi tujuan cukai pendapatan,” katanya lagi.